

Buta akibat disimbah asid

KOSMO 9/6/2011 MS 2.

Oleh SYED AHMAD ZULKARNAIN SYED ALI

zulkarnain.ali@kosmo.com.my

SEREMBAN – Seorang wanita Orang Asli buta kedua-dua belah mata dan wajahnya hampir cacat selepas disimbah dengan asid oleh dua lelaki tidak dikenali di Mantin dekat sini pada pertengahan Mac lalu.

Lebih malang lagi mangsa, Zuhaina Tengkis, 27, turut menanggung kesakitan apabila sebahagian dadanya melecur teruk akibat disimbah cecair bahaya tersebut.

Zuhaina yang ditemui di Kampung Orang Asli Belihoi, Mantin dekat sini berkata, kejadian itu berlaku ketika dia keluar ke pekan Mantin dengan menunggang motosikal bersama seorang adik saudaranya.

“Kira-kira pukul 9.30 malam ketika kami mahu pulang ke rumah, motosikal yang ditunggangi saya dihampiri dua lelaki yang menunggang sebuah motosikal.

“Sebaik sampai di satu lokasi di Lapang Sasar Mantin, lelaki berkenaan terus memotong motosikal saya dan terus menyapa saya dengan menyebut ‘hai’.

“Apabila saya menoleh, lelaki itu terus menyimbah sejenis cecair yang mengenai muka dan badan saya,” katanya di sini semalam.

Katanya, sejeurus terkena cecair itu dia mula berasa mukanya panas dan terus memecut pulang ke rumah.

“Apabila sampai di rumah, suami saya segera membasuh muka saya dengan air sebelum membawa saya ke Hospital Tuan-



ZUHAINA yang buta kedua-dua belah mata dan cacat pada muka selepas disimbah asid berehat di rumahnya di Mantin, Seremban semalam.

ku Jaafar (HTJ) Seremban. Saya kemudian dirujuk ke Hospital Kuala Lumpur (HKL).

“Saya ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) HKL selama dua bulan sebelum dibenarkan pulang ke rumah pada 27 Mei lalu,” jelasnya.

Zuhaina berkata, hatinya remuk apabila doktor memaklumkan bahawa kedua-dua matanya tidak dapat diselamatkan kerana kecederaan teruk yang dialami.

“Sehingga ke hari ini, saya tidak dapat

tidur berikutan kelopak mata saya tidak boleh tutup,” ujarnya.

Jelasnya, dia tidak tahu kenapa dia menjadi mangsa serangan tersebut kerana dia sebelum ini tidak pernah mempunyai musuh.

Dalam pada itu, tambahnya, suaminya, Nor Azman Jani, 30, telah membuat laporan polis sejeurus selepas kejadian tetapi sehingga kini individu tidak bertanggungjawab itu gagal dikenal pasti.